

**Himpunan Sejuta Belia Bakal Dijadikan Antara 10 Karnival Terbesar Di Dunia -
Shabery
Bernama
9 April, 2012**

PUTRAJAYA, 9 April (Bernama) -- Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bertekad menjadikan Himpunan Jutaan Belia yang diadakan setiap hujung Mei sebagai antara 10 karnival tahunan terbesar di dunia, kata Menteriinya Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Beliau yakin karnival itu yang diadakan sempena sambutan Hari Belia Negara mampu mencapai status berprestij itu berdasarkan ia telahpun mencipta nama sebagai karnival belia terbesar di Asia.

Katanya Himpunan Sejuta Belia yang menyajikan lebih 500 acara menarik mampu memikat pelancong asing seperti beberapa karnival utama dunia antaranya karnival Mardi Gras yang dirayakan di Rio de Janeiro (Brazil), Venesia (Itali) dan Louisiana (Amerika Syarikat).

"Setakat ini di Asia, karnival ini adalah yang terbesar. Cuma kita nak tengok dari segi penilaian antarabangsa supaya pada suatu masa nanti orang (pelancong asing) akan datang ke Putrajaya setiap tahun untuk melihat kepelbagaian dari segi kesenian, kebudayaan, aktiviti dan kehidupan masyarakat Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan wakil-wakil Kementerian Pelancongan dan Persatuan-Persatuan Hotel di sini Isnin.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657942>